Saya Kembali dari Israel

Tuan Sheikh Yahya Hussein, wakil negeri-negeri Uganda, Tangayika[1], Kenya dan Zanzibar, dari Afrika Timur ke Muktamar Islam Sedunia di Kaherah tahun lalu, telah menceritakan bahaya-bahaya Zionis yang mengancam di Afrika Timur di dalam muktamar tersebu[2]. Beliau pernah berkunjung beberapa tahun yang lalu, ke Asia Tenggara dan pernah memberikan syarahan-syarahan serta bacaan-bacaan Qur'annya yang merdu di kalangan masyarakat kaum Muslimin Singapura, dan juga di Tanah Melayu. Silalah ikuti di bawah ini kenyataan beliau.

Keadaan Kaum Muslimin di Afrika Timur

Ketika beliau ditanya keadaan kaum Muslimin di sana beliau menjawab:

"Bilangan kaum Muslimin di Afrika Timur jika dihitung peratus jumlah penduduknya, iaitu di wilayah Kenya sahaja ada sebanyak 39 peratus, sedang di Tanganyika pula ada sebanyak 99 peratus.

Tentang mata pencarian mereka kebanyakannya adalah serupa sahaja dengan lain-lain penduduk sebagai putera bumi[3] di sana iaitu kebanyakannya dalam lapangan pertanian, perniagaan dan menjabat pekerjaan di pejabat.

Mereka tidak ketinggalan untuk bekerjasama dengan penduduk-penduduk yang lain di dalam memperjuangkan kemerdekaan negeri mereka untuk melepaskan diri dari belenggu penjajahan yang telah berkuasa bertahun-tahun lamanya di sana.

Banyak orang tak menyedari bahawa Perdana Menteri Tangayika adalah seorang muslim bernama "Rashidi Kawawa" dan tiga orang menteri lain pun beragama Islam.

Ketua Jabatan Agamanya ialah Shaykh Sa'id Abdullah, seorang muslim dan Setiausaha Parliament pun seorang muslim.

Semua kaum Muslimin di sana bersungguh-sungguh berjuang untuk kebaikkan masa hadapan mereka dan keistimewaan mereka itu nampak dengan adanya kesedaran mereka yang cukup dan keimanan mereka yang kukuh.

Harus orang tidak menyangka bahawa di antara pengikut-pengikut parti "Jomo Kenyatta" umpama ada yang terdiri dari orang-orang Islam, begitu pula dalam parti "Demokrat", sedang di antara pengikut-pengikut parti "Kabuyani" yang ditubuhkan oleh orang-orang Islam terdapat pula sebahagian besarnya dari orang-orang yang beragama Kristian.

Patut juga dibanggakan bahawa orang-orang Islam pun banyak yang menceburkan diri dalam gerakan bersenjata "Mau Mau" menentang kerajaan Inggeris di Kenya.

Islam merupakan agama yang pesat berkembang di Afrika Timur disebabkan adanya semangat memperjuangkan peri

[1] Merujuk kepada Republik Tanganyika (1962-1964). Kemudiannya bergabung dengan Zanzibar (26 April 1964) membentuk Tanzania sekarang. [Sumber: Wikipedia; kata kunci – 1)Tanganyika 2)Tanzania]
[2] Perkataan sebenarnya adalah tersebut
[3] Seerti dengan bumiputera.

kemanusiaan dan tujuannya yang murni....

Di sana terdapat persamaan.... kerana orang-orang Afrika melihat bahawa agama Islam itu ialah satu-satunya agama yang tidak ada dasar membeza-bezakan antara sesama manusia, tidaklah hairan jika Tuhan ada menyatakan "Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah yang paling banyak baktinya terhadap Allah."

Dan Rasulullah (S.A.W) mengatakan: "Tak ada kelebihan antara seorang Arab dengan seorang Ajam, di antara yang putih dengan yang hitam, melainkan dengan adanya bakti (taqwa)."

Di manakah kita akan dapati benua Afrika ini sebuah gereja yang pintunya terbuka untuk sama-sama orang yang hitam dan putih? Yang banyak dilihat ialah sebuah pintu untuk orang putih sahaja dan sebuah pintu yang lain untuk orang hitam sahaja. Tetapi di masjid pintunya terbuka untuk orang yang hitam dan orang yang putih semuanya sama tidak dibeza-bezakan. Dengan demikian dapatlah dilihat secara praktikal bahawa agama Islam ialah agama persamaan.

Melihat perbezaan yang jelas itu menyebabkan setengah-setengah paderi Kristian bangsa Afrika mendirikan gereja yang khusus untuk orang-orang Afrika sahaja.

Penyiaran Agama Islam.

Sewaktu ditanya bagaimana agama Islam dapat disiarkan lebih pesat lagi di Afrika Timur? Beliau menjawab:

Agama Islam disiarkan di Afrika bukanlah dengan jalan memberi nasihat-nasihat yang bagus, atau dengan jalan memberikan syarahan-syarahan, atau dengan kepetahan bercakap dan keindahana berbahasa. Tetapi Islam disiarkan di sana dengan pengetahuan, dengan mendirikan rumah-rumah sakit, dengan membina rumah-rumah anak yatim, dengan perniagaan dan bertukar barang dagangan, dengan bergotong-royong dan berbantu-bantuan. Kalau kita dirikan di sana sekolah-sekolah umpamanya, dapat kita mengajar anak-anak kita kaum Muslimin dan anak-anak bangsa asing, dengan demikian kita telah dapat mengajarkan kepada mereka agama Islam kita yang mulia. Kalau kita dirikan rumah sakit untuk mengubati orang-orang Islam dan yang bukan Islam, kita akan dapat mengubati jasmani mereka dan rohani mereka dalam satu masa. Kalau kita memberi pertolongan pula, kita berikan pertolongan itu kepada yang muslim dan yang bukan muslim secara sama, baharulah timbul rasa kasih mereka kepada kita dan tertarik pula kepada agama kita inilah cara yang digunakan oleh pengembang-pengembang agama lain untuk memikat orang-orang Islam kita, maka senjata yang mereka gunakan itulah yang semestinya kaum muslimin menggunakannya.

Dan lagi satu. Bahawasanya di Kenya itu terdapat orang-orang yang masih telanjang berkeliaran ke sana ke mari, masih gemar minum darah, tinggalnya pun di hutan-hutan yang terdiri dari suku bangsa "Masai". Mereka ini sangat kuat tubuh badannya, sehingga ada yang tak mau kahwin melainkan sesudah dapat membunuh seekor singa.... Bagaimana kita akan menyeru mereka masuk Islam dengan menggunakan syarahan dan kepetahan lidah? Tetapi kalau mereka hendak diseru masuk Islam itu dengan memberikan mereka itu pertolongan-pertolongan dan makanan, mereka

akan menjadi jinak dan akhirnya menerima seruan tersebut.

Pengaruh orang-orang Yahudi

Ketika beralih pertanyaan mengenai pengaruh orang-orang Yahudi di Afrika Timur dan bagaimana rancangan Israel, beliau menyatakan:

Kerajaan Israel nampaknya menumpukan rancangannya terhadap para pemuda dan kaum buruh. Mereka mengatur pengiriman pemuda-pemuda dari Afrika ke Israel mendapat biasiswa untuk belajar di sana tak kurang jumlahnya dari 1000 orang penuntut. Selama tiga bulan di sana hanya belajar bagaimana caranya berkhidmat untuk Israel dengan cara mendakyahkan mereka di akhbar-akhbar dan mengembar gemburkan apa yang telah mereka buat. Beberapa banyak iklan-iklan dipasang memenuhi jalan dan lorong yang mengandungi seruan agar memperbanyak lagi pengiriman pemuda-pemuda Afrika ke Israel.

Di samping itu dalam beberapa bulan ini telah didirikan beberapa buah sekolah di Kenya oleh kerajaan Israel, dan sebuah sekolah untuk kanak-kanak perempuan.

Adapun mengenai kaum buruh pula, kerajaan Israel telah menghantarkan bantuan kewangan yang banyaknya

Bandar Nairobi ibu negeri Kenya yang 90 peratus penduduknya terdiri dari kaum Muslimin.

beribu-ribu *pound* untuk mendirikan badan-badan perburuhan, badan-badan inilah merupakan kaki (ejen) kepada Israel sehingga banyak buku-buku dan risalah-risalah serta pangung-pangung wayang dipenuhi oleh dakyah-dakyah mereka. Yang pelik mereka tak pernah menunjukkan muka berterang-terangan, bahkan terus sahaja bersembunyi untuk mengeliru dan menyesatkan orang disebalik orang lain, dan dengan demikian mereka dapat mencapat maslahat dan cita-cita mereka.

Percubaan Israel Hendak Membeli Shaykh Yahya Hussein

Ketika ditanya khabarnya kerajaan Israel mencuba hendak membeli beliau, maka dengan tersenyum ia menjawab:



Salah sebuah masjid "Kenya" yang sentiasa terbuka pintunya kepada umum dengan tidak ada rasa beza membeza.

Sungguh, akan tetapi mereka tak dapat ceritanya berbalik kepada beberapa bulan yang lalu ketika saya berada di "Nairobi" ibu negeri Kenya. Dengan tiba-tiba saya dapat surat dari Konsul Israel meminta saya supaya menemuinya.

Ketika saya datang disambutlah oleh mereka dengan senyum yang tak terbatas, dan menyatakan bahawa kerajaan Israel ingin hendak membantu kaum Muslimin di Kenya dan tercadang hendak mendirikan sebuah pejabat khas yang digunakan untuk menyeru agama Islam ke seluruh Afrika Timur, dan saya diminta untuk menjadi pengarahnya dengan syarat berpura-pura mengaku sebagai tuan punya pejabat tersebut yang tak ada kena mengena dengan kerajaan Israel. Saya pun disuruhnya menerangkan berapa gaji yang saya kehendaki. Tetapi telah saya tolak.

Melawat Israel

Kemudian – Shaykh Yahya Hussein meneruskan kisahnya – tidak beberapa lama saya pun dapat undangan untuk melawat ke Israel. Sebenarnya saya tidak berniat hendak melawat Israel, tetapi setelah saya dengar kerajaan Israel telah membuka sebuah pejabat hal ehwal orang-orang Islam di Afrika Timur, maka saya pun ingin hendak mengetahui apakah rahsia yang tersembunyi disebalik rancangan tersebut.

Setelah tiba di sana tahulah saya bahawa mereka mendirikan pejabat tersebut tujuannya untuk menarik orang-orang Islam supaya sukakan Israel mencegah masuknya pengaruh orang-orang Arab di sana.

Di Israel saya dapat menemui Ben Gurion (mendiang President Israel) di Tel Aviv. Dia menyatakan

Shaykh Yahya Hussein wakil Afrika Timur ke Muktamar Islam Sedunia, sedang menatap majalah "*al-Shubbān al- Muslimīn*" semasa melawat Kaherah.

bersedia memberi saya sejumlah wang dengan syarat saya mahu mendakyahkan dakyah Yahudi, saya pun telah menolaknya. Dan dia menawarkan kepada saya supaya menutup mulut dan akan memberi upahnya seberapa yang saya suka, itu pun saya tolak akhirnya dia mengancam hendak membunuh saya....dan diberinya saya sejumlah wang, saya pun menerimanya dan kembalilah saya ke Nairobi untuk menyerang Israel dengan wang mereka, saya berikan penerangan kepada kaum Muslimin dan penduduk negeri Afrika Timur seluruhnya tentang bahaya Yahudi yang akan mengancam masa hadapan mereka.

Kemudian saya telah mengatur sebanyak 27 rancangan untuk menentang Israel, di antaranya yang penting:

(1) Menyeru semua penuntut-penuntut yang ada di sana balik ke tanah air masing-masing, kerana saya dapati mereka telah dirasuk oleh pengaruh-pengaruh Israel dengan jalan membenci orang-orang Arab.

(2) Membanteras setiap pemimpin dan setiap orang Islam yang menyokong Israel.

(3) Mencegah para pemimpin umat Islam melawat ke Israel dengan mengarahkan perhatian mereka supaya suka melawat negeri Mesir dan negeri-negeri Islam yang lain yang telah merdeka.

Saya telah menulis surat kepada pemimpin-pemimpin umat Islam agar mereka putuskan hubungan mereka dengan Israel, dan saya dapati seruan tersebut mendapat sambutan baik. Di antaranya, Perdana Menteri Nigeria Selatan telah menolak sebarang bantuan Israel yang datang ke negerinya.

Persatuan Perniagaan Afrika telah menghantarkan surat terbuka kepada Ben Gurion menuntut supaya Israel jangan mengantarkan[4] lagi sebarang bantuan ke Afrika Timur.

Beliau telah menyatakan pula sesalannya kerana masih ada terdapat setengah-setengah pihak dari pemimpin Islam yang telah dapat dibeli oleh Israel untuk melancarkan dakyah-dakyah Yahudi (Zionis) di kalangan umat Islam, maka sewajibnyalah kita umat Islam membanteras mereka dengan mendedahkan bahaya-bahaya mereka.

[4] Perkataan sebenar ialah menghantarkan

Bahaya Zionis

Seterusnya Shaykh Yahya Hussein – yang mewakili umat Islam di Afrika Timur dalam Muktamar Islam Sedunia di Kaherah – menyatakan bahaya Zionis yang sedang mengancam kesejahteraan umat Islam itu dengan katanya:

Bahawa faham Zionis telah mempergunakan segala alat yang ada pada mereka untuk melaburkan segala asas-asas kemuliaan yang baik di Afrika, misalnya di Tanganyika sekarang telah didirikan oleh mereka beberapa banyak rumah pelacuran yang disediakan dengan bermacam-macam jenis maksiat yang diharamkan oleh semua agama itu. Apa yang dilakukan mereka di Tanganyika adalah suatu gambaran yang kecil sahaja berbanding dengan apa yang telah dilakukannya kepada penuntut-penuntut kita di negeri mereka sendiri.

Mereka telah dipujuk dengan perempuan-perempuan cantik dan disogokkan secara mudah. Rumah-rumah kabaret terbuka pintunya untuk mereka dengan hidangan-hidangan minuman keras yang akan meracuni jiwa mereka.

Itulah sebabnya rakyat Kenya telah menghantar telegram kepada Ben Gurion meminta Israel mengembalikan penuntut-penuntut Kenya yang belajar di sana kerana didapati dengan terang bahawa sekembalinya penuntut-penuntut yang belajar di sana selama tiga bulan jiwanya telah rosak sehingga tidak lagi memperdulikan asas-asas kemulian, tak ada lagi rasa kasih terhadap agama dan hilang kepercayaannya terhadap tanah air.

Kami telah pun menjalankan tindakan untuk memutuskan pelajaran penuntut-penuntut sebanyak 30 orang dari wilayah Uganda, Zanzibar, Congo, Tanganyika, Rwanda Urundi dan Ghana dari negeri Israel, iaitu untuk disambungkan persekolahan mereka di Republik Arab Bersatu. Urusan memindahkan mereka – setelah mendapat hadiah biasiswa dari Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama Islam di Kaherah – telah dimulakan sebanyak 10 orang dan yang 20 orang lagi akan menyusl di belakang tak berapa lama lagi.

Jomo Kenyatta.

Menerangkan tentang pendirian pemimpin agung kebangsaan Kenya "Jomo Kenyatta" beliau menceritakan: Bahawa faham Zionis (gerakan mengembalikan keagungan bangsa Yahudi) adalah sangat menentang dan membanteras perjuangan kebangsaan yang dipimpin oleh Jomo Kenyatta dengan melancarkan dakyah-dakyah membenci pemimpin kebangsaan tersebut di kalangan rakyat Kenya dengan bermacam-macam cara, akan tetapi sebaliknya semakin banyak pemimpin itu mendapat kepercayaan rakyat.

Penuntut-penuntut di Azhar *University*

Beliau mengingatkan kepada "pihak-pihak yang bertanggungjawab" umumnya dan "badan-badan Islam" khususnya, bahawa memandang akan ancaman Zionis yang membahayakan yang telah tersiar di Afrika Timur secara kilat itu, hendaklah mereka segera bertindak cepat dan mengikuti langkah Setiausaha Umum bagi Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama Islam Tuan Taufik Uwaydah yang dijalankan dengan menghantarkan bantuan-bantuan berupa kitab-kitab, barang-barang percetakan dan hadiah-hadiah biasiswa, ikutilah langkah tersebut dengan mendirikan pusat-pusat pengajian Islam dan pendidikan di negeri-negeri seperti Narobi, Darul Salam, Tanganyika, dan hendaklah diadakan antara mereka kerjasama

dan tolong-menolong yang memberi hasil sesama kita sehingga usnah pakatan jahat dan tipu daya Israel terhadap Arab dan muslimin.

Untuk menamatkan kenyataan, Shaykh Yahya Hussein berkata: “Kita tidaklah seyogia bersikap mengasingkan diri dari kenyataan yang berlaku di sekeliling kita... Islam menyokong gerakan pembebasan, keadilan masyarakat dan hak-hak kemanusiaan yang murni untuk seluruh manusia umunya.”

Dan beliau meminta perhatian yang berat terhadap penuntut-penuntut yang belajar di *Al-Azhar Asy-Sharīf University* sampai mengambil masa 15 tahun itu adalah besar bahayanya. Alasannya ialah pemuda-pemuda kami yang datang ke sana sudah berumur 25 tahun dan lamanya belajar 15 tahun berjumlah menjadi 40 tahun, sehingga ada yang tak suka lagi hendak pulang ke tanah airnya, maka bagaimana kita hendak memerangi musuh dengan menggunakan anak-anak kita yang tempat tinggalnya begitu jauh dari tempat kita?

Kami harap pihak al-Azhar dapat menyediakan rancangan pelajaran yang khas bagi mereka bagi melayakkan diri tampil ke hadapan untuk menunaikan kewajipan mereka di dalam menyiarkan agama Islam dalam masa yang tidak lebih dari 3 tahun sahaja, supaya mereka segera balik ke tanah air untuk menyiarkan agama Islam yang maha suci di kalangan umat Islam di sana yang sangat-sangat memerlukan kepada mereka dan ilmu mereka itu dapat dimanfaatkan.

(Dikutip dari majalah “*al-Shubbān al- Muslimīn*” keluaran bulan November 1962).

Gas minyak yang terkumpl dalam perut bumi dengan banyaknya telah keluar dari celah-celah batu dan pasir lalu menyala-nyala menjadi api yang tak pernah padam semenjak 2500 tahun dahulu. Adalah diceritakan Raja Chaldean ((Nabuchaddnezar)) waktu menyeksa musuh-musuhnya mereka itu dibakar di dalam api tersebut.

Hanya dua kali sahaja api itu pernah padam-pertama ketika terpancut sebuah perigi minyak waktu pengeluaran minyaknya yang pertama berdekatan dengan tempat itu telah ditimbus dengan pasir supaya tidak berlaku kebakaran. Dan kedua ketika tentera pihak Sekutu menguasai Iraq dalam Perang Dunia dahulu takut api itu dijadikan panduan oleh kapal terbang musuh untuk menjahanamkan lombong-lombing minyak di sana lalu ditimbusnya dengan pasir untuk memadamkannya, tetapi tak lama lidah api itu kembali menyala dari celah-celah batu dan pasir.

Gambar di atas kelihatan pengembala dengan kambingnya api tersebut untuk menghangatkan badan pada musim sejuk.